

Headline	Peluang drama pendek disiarkan di TV3		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	11 Oct 2013	Color	Black/white
Section	Hiburan	Circulation	29,826
Page No	4	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	173 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 356
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,069



Peluang drama pendek disiarkan di TV3

TV3 akan mengadakan pertandingan Drama Pendek menerusi Festival Drama Kuala Lumpur (DFKL) pada tahun hadapan sempena ulang tahun ke-30 saluran televisyen itu.

Menurut Pengurus Besar Kumpulan TV3 dan TV9, Sherina Nordin, pertandingan berkenaan akan bermula pada 1 November hingga 30 Disember 2013 yang dibuka untuk seluruh rakyat Malaysia.

“Panjang drama yang disyaratkan hanyalah lima minit bertemakan kehidupan, percintaan dan komedi, berkisar realiti kehidupan masyarakat Malaysia.

“Objektif kami menganjurkan pertandingan ini bagi menggalakkan golongan amatir yang sering memuat naik pelbagai video di *YouTube* dalam usaha melihat idea-idea baru yang lebih segar.

“Tiga pemenang yang dipilih akan diberi slot selama lima minit untuk karya mereka disiarkan di TV3,” katanya.

Menurut Sherina, selain berpeluang menyiarkan hasil karya di televisyen, pemenang tempat pertama akan mendapat RM10,000, tempat kedua, RM5,000 manakala peserta tempat ketiga akan menerima RM3,000.

Sekiranya karya mereka benar-benar berbakat, TV3 akan memberi peruntukan bagi membolehkan pemenang menghasilkan karya untuk distarakan di

mana-mana slot saluran televisyen itu.

Karya drama pendek yang dihasilkan boleh dihantar menerusi www.veedo.my.

DFKL, merupakan sebuah acara yang julung kali diadakan dengan penglibatan karyawan industri kreatif termasuklah pengarah, penulis skrip, pelakon dan pengacara.

Sebelum berlangsungnya pertandingan berkenaan, TV3 dan juga TV9 akan mengadakan siri jelajah ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi tujuan promosi bermula 2 hingga 16 Disember depan.

Atas tujuan itu TV3 juga akan menganjurkan bengkel yang diselenggarakan oleh penggiat seni berpengalaman seperti Khabir Bhatia, Azma Aizal, Ahmad Idham dan Rosyam Nor.

Sebelas IPT yang terlibat dengan bengkel DFKL adalah Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Universiti Selangor (Unisel), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Universiti Putra Malaysia (UPM), Kolej Universiti Shahputra (UCSA), Kolej Antarabangsa IKIP, UiTM Lendu di Melaka, Universiti Multimedia Melaka (MMU), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor serta Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang.